

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 22 MAC 2016

SOALAN : Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]

minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh negara-negara ASEAN dalam mewujudkan keamanan dan mengurangkan ketegangan di Selatan Thailand.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang atas soalan beliau.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand kini berada pada tahap yang amat baik. Semasa Lawatan Rasmi TYT Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha, Perdana Menteri Thailand ke Malaysia pada 1 Disember 2014, beliau telah menyatakan komitmen Kerajaan Thailand terhadap proses damai Selatan Thailand. Beliau menegaskan bahawa Malaysia adalah satu-satunya fasilitator kepada proses damai tersebut. Beliau turut melahirkan penghargaan terhadap peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai fasilitator. Perkara yang sama telah ditekankan oleh Perdana Menteri Thailand dalam pertemuan dengan YAB Perdana Menteri pada 27 April 2015 sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN ke-26 di Kuala Lumpur.

3. Malaysia turut menekankan pendekatan “prosper thy neighbor” melalui inisiatif 3Es (Education, Entrepreneur and Employment) yang mana pelbagai usaha dan program Bina Upaya dalam bidang pendidikan, latihan vokasional dan keusahawanan yang telah dijalankan di Selatan Thailand.

4. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, secara prinsipnya, ASEAN tidak membincangkan pergolakan di wilayah Selatan Thailand. Ini adalah

selaras dengan Artikel 2 Piagam ASEAN yang antara lain menyatakan bahawa Negara-Negara Anggota ASEAN mestilah saling hormat-menghormati; melaksanakan dasar tidak campur tangan terhadap kemerdekaan dan keutuhan wilayah dan kedaulatan negara ASEAN yang lain; dan sekiranya terdapat pertikaian, ianya perlulah diselesaikan secara aman.

5. Oleh yang demikian, dalam mendepani masalah pergolakan di sesebuah negara individu, Negara-Negara Anggota ASEAN secara amnya, mengambil pendekatan dua hala secara langsung dengan kerajaan yang terbabit. Berkaitan konflik di Selatan Thailand ini, Malaysia misalnya telah lama bekerjasama secara terus dengan kerajaan Thailand untuk menangani pergolakan di wilayah tersebut. Pelbagai inisiatif dan pendekatan telah diambil untuk merungkai krisis ini.

6. Reputasi kita sebagai negara yang cintakan keamanan dan percaya kepada penyelesaian konflik secara aman sememangnya diakui oleh ramai pihak termasuklah oleh rakan-rakan ASEAN kita sendiri. Sumbangan kita sehingga termeterainya perjanjian damai Bangsamoro adalah salah satu contoh kejayaan kita dalam mencari penyelesaian konflik secara aman di rantau Asia Tenggara.

7. Kesimpulannya, Malaysia akan terus memainkan peranan secara aktif demi memastikan keamanan rantau ini sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 22 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN : 55

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan semua jenis kesalahan serta kutipan denda dan saman bagi kesalahan-kesalahan tersebut mengikut tahun dari 2008 sehingga kini dan nyatakan bagaimana wang denda serta saman ini digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun adalah sepertimana kesalahan yang dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pengkompunan Kesalahan) 2003 antaranya melibatkan kesalahan memandu melebihi had laju, tidak mematuhi isyarat lalu lintas dan gagal patuhi notis temu siasat. Kadar kompaun yang ditetapkan bagi kesalahan-kesalahan tersebut adalah tidak melebihi RM300 sepertimana yang diperuntukan di bawah seksyen 120(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jumlah kutipan kompaun dari tahun 2008 hingga 2015 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN
2008	49,598,553.50
2009	234,164,111.00
2010	69,077,155.00
2011	72,941,616.00
2012	82,431,975.00
2013	103,896,934.22
2014	124,449,684.10
2015	129,162,542.80

Tuan Yang di-Pertua,

Semua hasil kutipan yang diterima sama ada melalui pembayaran kompaun atau urus niaga JPJ yang lain adalah disalurkan terus kepada Akaun Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 dan menjadi hasil Kerajaan. Penggunaan wang tersebut adalah bergantung kepada Belanjawan Negara setiap tahun yang diumumkan oleh Kerajaan.